

LANGKAH ATASI TUNJUK PERASAAN PELAJAR SEDANG DIKAJI

KUALA LUMPUR, 5 Dis. — Kerajaan sedang mengkaji dengan teliti cara-cara yang dijalankan oleh negara-negara lain dalam usaha untuk mengatasi masalah tunjuk-tunjuk perasaan oleh para pelajar.

Menteri Pelajaran, **Dr. Mahathir Mohamad** memberitahu Dewan Rakyat hari ini bahawa ini terutamanya sekali untuk mendalami cara-cara yang dilakukan oleh Singapura yang nampaknya telah berjaya menyelesaikannya.

Menjawab teguran-teguran yang dibangkitkan oleh Encik Lim Kit Seng (DAP — Kot: Melaka) ketika mengulung perbahasan anggaran belanjawan sebanyak

\$1,287 juta bagi kementerianannya, **Dr. Mahathir** berkata, kejadian itu bukan berlaku di Malaysia sahaja.

Biasa

Malah, menurutnya, tunjuk-tunjuk perasaan oleh para pelajar itu sudah menjadi suatu perkara kebiasaan bagi negara-negara lain.

Dr. Mahathir berkata, beliau difahamkan bahawa di Singapura tidak berlaku seterang tunjuk-perasaan.

"Jadi kita sangat tertarik terutamanya untuk mengetahui cara-cara yang menyebabkan Singapura begitu berjaya dalam menghadapi masalah ini", kata beliau.

"Kita teringin sangat hendak tahu bagaimana ia dilakukan. Ini adalah salah satu tugas yang tidak begitu menyenangkan bagi saya untuk mengkaji bagaimana Singapura berbuat demikian dan untuk cuba pula mengamalkannya di sini," tambahnya.

"Jika kita memperluaskan cara-cara itu, mungkin masalah-masalah dalam masa pilihanraya akan berkurangan", ujar beliau.